

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HMT 201 Tinjauan Nahu Tradisional

Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN [8] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab SEMUA soalan.

Tulis nombor 1 hingga 8 secara berurutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda X dihadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

Jawapan mestilah ringkas, tepat, padat dan analitikal.

Penggunaan bahasa Melayu tinggi diutamakan.

1. Haji Muhammad Said bin Sulaiman (Jalan Basa Melayu, 1953) memberi ingatan bahawa di dalam bahasa Melayu hukum bilangan tunggal dan jamak ini tiada kuat. Sila bincangkan sama ada anda setuju atau tidak setuju dengan bukti yang kukuh.

(10%)

2. Apakah yang dimaksudkan oleh Muhammad Ibrahim bin Abdullah Munshi (Kitab Pemimpin Johor, 1878) bahawa perkataan ialah tiap-tiap bunyi sebutan yang bermakna? Bincangkan.

(10%)

3. Huraikan lebih lanjut (dengan contoh) apakah yang dimaksud oleh Abdullah bin Talib (Kitab Punca Bahasa, 1927) tentang 3 jenis Perbuatan, iaitu: Nyata, Ghaib dan Sedia.

(10%)

.../2

4. Zainal Abidin bin Ahmad et al. (Ilmu Bahasa Melayu, 1927) memberi penjelasan bahawa awalan 'ber' yang ditambahkan kepada perkataan asal (Kata Dasar) yang ada 'r' di dalamnya maka 'ber' berubah menjadi 'be' untuk mengelakkan bunyi yang berat, contoh: ber + layar = belayar.

Jika demikian, sila beri penjelasan pada ber + layar = berlayar yang berbeza dengan peraturan di atas.

(10 %)

5. Muhammad Syah bin Yusof (Sanjuh Suratun, 1922) mengatakan bahawa sesuatu ayat itu boleh terdiri daripada Nama + Keadaan + Masa + Perbuatan + Nama Kena Buat + Keadaan Kena Buat.

Sila beri 5 contoh ayat yang sesuai bagi aturan di atas.

(10 %)

6. Raja Haji Ali ibn Raja Haji Ahmad (Kitab Pengetahuan Bahasa, 1927) memberi huraian bahawa Nama iaitu "tiap-tiap barang yang menunjukkan maknanya pada dirinya, tiada beserta dengan masa yang tiga, yakni masa yang telah lalu dan masa yang lagi akan datang dan masa hal sekarang ini."

Huraian ini sebenarnya telah memberi pemahaman terhadap Nama dan Perbuatan. Dengan contoh yang sesuai, perincikan huraian di atas.

(10%)

7. W. Marsden (1812) mengatakan bahawa Pembinaan Ayat di dalam bahasa Melayu sesungguhnya mudah. Nyatakan beberapa alasan beliau bagi mengukuhkan pendapatnya itu disertai contohnya sekali.

(20 %)

8. Menurut pendapat anda apakah manfaat yang diperolehi dengan membuat tinjauan terhadap nahu tradisional di dalam bidang pengajian bahasa Melayu?

(20 %)

-ooo000ooo-